

09 OCT 2003

MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA BINCANG SOAL KESELAMATAN

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Mesyuarat dua hari Majlis Raja-raja ke-198 berakhir di Istana Negara hari ini.

Mesyuarat itu membincangkan soal keselamatan, ekonomi dan pelantikan, demikian menurut kenyataan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Majlis Raja-raja Malaysia.

Mesyuarat hari ini dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, yang diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semua raja, kecuali Sultan Johor yang diwakili Tunku Mahkota Johor Tunku Ibrahim Ismail, hadir pada mesyuarat itu. Yang turut hadir semua Yang Dipertua Negeri.

Mesyuarat kali ini dipengerusikan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah.

-- BERNAMA

HK HK MAI